



MUSTAPHA menyampaikan cenderamata kepada Tun Juhar.

UMSLink Holding bakal bina bangunan sendiri

DE 11-01-2012 7

KOTA KINABALU: UMSLink Holding Sdn Bhd anak syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membangunkan UMSLink International Precinct yang bernilai RM200 juta melalui aplikasi 'Beli, Bina dan Pindah'.

Datuk K.Y Mustapha, Pengerusi Kumpulan Syarikat menjelaskan demikian semasa mengadakan kunjungan rasmi kepada Yang Dipertua Negeri Tun Hj Juhar Hj Mahiruddin di Istana Negeri, pagi Selasa.

"Kami telah menandatangani beberapa perjanjian untuk membina bangunan sendiri di kawasan Alam Mesra.

"Kami pada awalnya akan terlibat dengan pembayaran kecil seperti cukai tanah dan kemudian mendapatkan rakan kongsi yang akan membeli tanah tersebut dan disusuli pembinaan seterusnya kami akan sewa balik," jelas Mustapha.

Tambahnya lagi, ini meru-

pakkan sebuah sistem perniagaan baik kerana mendapat pulangan daripada sewa, dan selepas tempoh 30 tahun berakhir, bangunan tersebut akan menjadi milik UMSLink.

Usaha yang melibatkan pejabat-pejabat Korporat, Pusat Perubatan serta kediaman bagi pelajar asing ini dijangka membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar.

Kunjungan yang turut disertai ahli-ahli Lembaga Pengarah UMSLink adalah bertujuan untuk menjemput Tun Juhar sebagai tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Tahunan UMSLink yang bakal diadakan pada 3 Mac ini.

Sementara itu, turut mengadakan kunjungan hormat adalah Pengarah Politeknik Kota Kinabalu yang baru, Tuan Haji Wan Mohamad Nasir bin Wan Abdul Rahman dan Lord Prior of the Oder of St John, Profesor Sir Anthony Royer Mellows.